

QIRĀ'ĀT JAMAK: ANTARA KEMAHIRAN QARI DAN KESESUAIAN ZAMAN

Oleh:

Wan Mohd Al Hafiz b. Wan Mustapa¹

Mohd Jismani b. Yusoff²

Ahmad Mukhlis b. Mustaffa³

Abstrak

Artikel ini membincangkan tentang perihal jam' al-qirā'āt (menghimpun banyak bacaan) yang merupakan satu seni dalam pengajian ilmu Qirā'āt. Lazimnya, al-Quran yang dibaca adalah secara tunggal (bacaan dengan satu riwayat sahaja) sejak zaman Nabi S.A.W lagi. Oleh itu, ia diterima dan diamal tanpa berlaku pertikaian dan perselisihan dalam kalangan umat Islam. Sebaliknya, setelah muncul jam' al-qirā'āt, ia telah mencetuskan beberapa masalah dan berlaku perselisihan pendapat mengenainya. Metode kualitatif dan temu bual digunakan untuk mengkaji sejarah kemunculan jam' al-qirā'āt dan ketepatannya dalam menjaga al-Quran yang diturunkan dengan kepelbagaian wajah bacaan. Kesimpulannya, jam' al-qirā'āt merupakan satu anugerah yang amat bernilai untuk umat Islam khususnya kepada individu yang berkecimpung dalam bidang ini.

Kata Kunci : *Qirā'āt, Jamak, Pendapat Ulama, Zaman*

PENDAHULUAN

Hakikatnya hukum mempelajari al-Quran dan *qirā'āt* adalah fardu kifayah ke atas setiap individu muslim. Apabila ada yang telah mempelajarinya,

¹ Wan Mohd Al Hafiz b. Wan Mustapa, pensyarah Jabatan Al-Quran & Hadis, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

² Mohd Jismani b. Yusoff, pensyarah Jabatan Al-Quran & Hadis, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

³ Ahmad Mukhlis b. Mustaffa, pensyarah Jabatan Al-Quran & Hadis, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

maka gugurlah hukum tersebut terhadap yang lain.⁴ Jika tidak, setiap individu muslim akan menanggung dosa lantaran tiada seorang pun yang belajar tentang al-Quran serta *qirā'āt*. Namun, apakah itu jamak? Bilakah timbulnya istilah tersebut? Kenapa diwujudkan kaedah sedemikian?

Hukum asal bagi *qirā'āt* jamak ialah harus.⁵ Kaedah jamak ini baru sahaja muncul sekitar pertengahan kurun kelima hijrah semasa zaman Abū 'Amr 'Uthmān b. Sa'īd al-Dānī.⁶ Pada waktu awal sebelum terciptanya kaedah jamak, semua bacaan atau *qirā'āt* dipelajari dan *ditalaqqī* (satu manhaj pembelajaran lafaz-lafaz al-Quran secara berguru)⁷ daripada satu riwayat⁸ kepada satu riwayat yang lain. Dalam kata lain, dibaca secara *ifrād* atau solo (satu persatu) daripada surah al-Fātiḥah sehingga surah al-Nās.

Selepas kemunculan bacaan jamak, disusuli pula satu ilmu lain yang lebih terperinci iaitu ilmu *Tahrīrāt*. Ilmu tersebut bertujuan untuk menjaga kaedah urutan bacaan dan juga sebagai garis panduan khusus kepada bacaan jamak.

Kenapa wujudnya ilmu *Tahrīrāt*? Sebenarnya ilmu ini wujud kerana bacaan jamak ketika itu telah menjadi punca kepada berlakunya pertindanan dan percampuran antara riwayat serta bacaan. Seinggakan ada antara pembaca al-Quran membaca dengan pelbagai riwayat dalam satu ayat, bercampur-gaul tanpa mengetahui batas-batas setiap *qirā'āt* (bacaan).

Justeru, kesalahan demi kesalahan berlaku. Ilmu *Tahrīrāt* dicipta bagi menangani masalah yang semakin parah melanda umat Islam pada waktu itu. Ilmu tersebut telah melengkapkan kaedah jamak, bahkan menerangkan apakah bentuk-bentuk bacaan yang dibolehkan mengikut aturan riwayat. Selain itu, menjelaskan apakah bacaan yang dilarang serta tiada dalam periwayatan.

⁴ Al-Ja'barī, *Kanz al-Ma'ānī*, j. 1, Tūnis: Dār al-Kutub al-Waṭaniyyah, h. 4 dan al-Qastallānī, *Laṭā'if al-Ishārah*, j. 1, Bayrūt: Maktabah 'Alī 'Āsyūr, h. 171.

⁵ Ibn al-Jazarī (1980), *Munjid al-Muqri'īn*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 12, al-Shaqansī, *'Umdah al-Qari'īn wa al-Muqri'īn*, Tūnis: Dār al-Kutub al-Waṭaniyyah, h. 14 dan al-Nuwayrī, *Sharḥ al-Ṭayyibah*, j. 1, Tūnis: Dār al-Kutub al-Waṭaniyyah, h. 152.

⁶ Ibn al-Jazarī (1980), *Ghāyah al-Nihāyah*, j. 1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 503-505.

⁷ 'Abd al-Salām al-Muqbil al-Majīdī, *Talaqqī al-Nabī S.A.W Alfāz al-Qur'ān al-Karīm*, Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah, h. 129.

⁸ Apa yang dinasabkan kepada pembawa bacaan daripada imam walaupun dengan perantaraan.

PENGERTIAN

Jamak dari segi bahasa ialah menghimpun atau mengumpul sesuatu dengan mendekatkannya antara satu sama lain.⁹ Dari segi istilah pula ialah pengulangan bahagian-bahagian tertentu dalam bacaan untuk menyempurnakan bentuk-bentuk bacaan bagi setiap riwayat dengan penuh teliti serta menepati syarat-syaratnya iaitu menjaga tempat wakaf (berhenti)¹⁰ dan tempat *ibtidā'* (permulaan bacaan).¹¹ Dengan sebaik-baik pelaksanaan (dari segi tajwid, sebutan huruf dan lain-lain)¹² di samping tiada pertindanan (percampuran antara bacaan atau riwayat).¹³

PERKEMBANGAN

Seperti penjelasan pada permulaan artikel ini tadi, kaedah jamak *qirā'āt* yang dipelajari pada masa kini masih belum dikenali atau diketahui oleh sesiapa pun sejak kurun awal sebelum pertengahan abad kelima hijrah.

Imam Ibn al-Jazarī telah menjelaskan dalam kitabnya;¹⁴

Sesungguhnya setiap individu akan bertalaqqī bermula dengan satu bacaan atau qirā'āt dengan seorang guru sehinggalah ke jumlah tertentu mengikut kemampuan masing-masing. Setiap bacaan mestilah sekali khatam. Mereka tidak sekali-kali menghimpun pelbagai bacaan dalam sekali khatam. Demikianlah konsep talaqqī setiap qirā'āt pada kurun terdahulu sehinggalah ke pertengahan kurun kelima hijrah iaitu zaman Imam al-Dānī, Imām al-Aḥwazī, Imam al-Huzalī dan semua yang sezaman dengan mereka.

Menurut Imam Ibn al-Jazarī;¹⁵

Bermula daripada saat itu, maka berkembanglah kaedah jam' al-qirā'āt hingga ke zaman kita sekarang, bahkan masih

⁹ Aḥmad Riḍā, *Mu'jam Matn al-Lughah*, Bayrūt: Dār Maktabah al-Ḥayāh, h. 568.

¹⁰ Ibn al-Jazarī, *al-Nashr*, j. 1, Miṣr: Al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, h. 240.

¹¹ Al-Nuwayri, *Sharḥ al-Ṭayyibah*, j. 1, Tūnis: Dār al-Kutub al-Waṭaniyyah, h. 153.

¹² Ibn Khulayfah, *Baḥr al-Jawāmi'*, j. 1, Tūnis: Dār al-Kutub al-Waṭaniyyah, h. 373.

¹³ Ibn al-Jazarī (1980), *al-Nashr*, j. 1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 18.

¹⁴ Ibn al-Jazarī (1980), *Ghāyah al-Nihāyah*, j. 1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 503-505.

¹⁵ *Ibid.*

dipelajari sehingga kini. Namun, ada sesetengah imam tidak menyukai kaedah tersebut kerana tidak diamalkan oleh golongan terdahulu. Walau bagaimanapun, kaedah jam' ini telah diterima pakai dan diamalkan serta diperakui oleh jumhur ulama di samping ditalaqqī tanpa bantahan.

Imam Ibn al-Jazarī menegaskan bahawa tidak ada seorang pun *mashāyikh*¹⁶ membenarkan seseorang itu membaca *qirā'āt* secara jamak melainkan setelah individu terbabit membaca terlebih dahulu secara *ifrād*, di samping mahir tentang selok belok sanad¹⁷ dan riwayat serta telah khatam sekali khatam bagi setiap bacaan secara berguru.

Jika seseorang itu ingin membaca *qirā'āt Nāfi*¹⁸ sebagai contoh, mesti ke atasnya membaca riwayat *Qālūn* terlebih dahulu sekali khatam, kemudian riwayat *Warsh* sekali khatam, kemudian barulah menghimpunkan (membaca secara jamak) antara dua riwayat tersebut. Justeru, keseluruhannya untuk menghimpun antara bacaan-bacaan tadi sekurang-kurangnya membaca tiga kali khatam, sekali bagi setiap bacaan. Begitulah pengamalan para imam terdahulu.¹⁹

FAKTOR

Dua faktor utama penyumbang kepada terciptanya kaedah jamak ialah putus asa dan lemah semangat (kurang minat) terhadap pengajian ilmu *Qirā'āt* dan yang kedua adalah kerana ingin mempercepat dan memendekkan tempoh *talaqqī*.²⁰

Ada pun para pelajar ilmu *Qirā'āt* pada kurun kelima mula berasa sukar untuk bertalaqqī setiap riwayat dengan sekali khatam. Kesan daripada kesukaran tersebut telah menyebabkan mereka hampir-hampir ingin meninggalkan pengajian ilmu *Qirā'āt* dan *talaqqī*. Di samping itu, kesibukan masa yang semakin menghimpit dengan pelbagai tanggungjawab telah menambahkan lagi kerumitan untuk bertalaqqī.

¹⁶ Kata nama yang menunjukkan ramai bagi *shāykh* yang bermaksud guru.

¹⁷ Iaitu rantaian perawi atau *qurrā'* yang memindahkan matan hadis atau bacaan daripada sumber pertama.

¹⁸ Imam pertama mengikut tertib *Qirā'āt* Sepuluh.

¹⁹ Al-Bannā al-Dimyāṭī (1359H), *Iṭhāf Fuḍalā' al-Bashar*, Miṣr: Matba'ah 'Abd al-Ḥamīd Aḥmad Ḥanafī, h. 17 dan Ibn al-Jazarī (1980), *al-Nashr*, j. 2, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 195.

²⁰ Al-Jazarī (1980), *al-Nashr*, j. 2, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 195 dan al-Shaqansī, *'Umdat al-Qāri'in wa al-Muqri'in*, Tūnis: Dār al-Kutub al-Waṭaniyyah, h. 218-219.

Tambahan pula, *talaqqī* mengambil waktu yang lama bagi setiap riwayat. Oleh yang demikian, mereka cenderung untuk mempercepat serta memendekkan tempoh masa *talaqqī* bagi setiap riwayat. Bagi ulama, itu lebih baik daripada tiada langsung orang yang akan mempelajari ilmu *Qirā'āt* dan bertalaqqī kelak. Sedangkan itu adalah fardu kifayah.²¹

Justeru, para ulama ketika itu telah sependapat dan bersetuju untuk mencipta kaedah jamak bersama syarat-syaratnya. Hal demikian telah berjaya mengembalikan minat masyarakat kepada pengajian ilmu *Qirā'āt* dan *talaqqī mushāfahah*.²² Seandainya kaedah tersebut tidak dicipta, nescaya manusia akan meninggalkan ilmu ini dan mengakibatkan seluruh umat Islam menanggung dosa di hadapan Allah S.W.T nanti.

SYARAT JAMAK QIRĀ'ĀṬ

Imam Ibn al-Jazarī telah menetapkan empat syarat yang mesti dipatuhi untuk membaca *qirā'āt* secara jamak.²³ Empat syarat tersebut ialah:

- Menjaga tempat wakaf (berhenti).
- Menjaga tempat *ibtidā'* (permulaan bacaan).
- Sebaik-baik pelaksanaan (dari segi tajwid, sebutan huruf dan lain-lain).
- Tiada pertindanan (percampuran antara bacaan atau riwayat).

Walau bagaimanapun, perlu diberi peringatan di sini berkenaan melazimi tertib imam dan riwayat seperti mesti menyusun bacaan mengikut susunan imam dan rawi adalah tidak disyaratkan.

KAEDAH JAMAK

Kaedah jamak di sisi ulama terbahagi kepada tiga mazhab iaitu:

- Jamak Huruf.
- Jamak Ayat.
- Jamak Wakaf

²¹ Al-Ja'barī, *op. cit.*

²² Mempelajari bacaan al-Quran secara berguru.

²³ Ibn al-Jazarī (1980), *Munjid al-Muqri'm*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmyyah, h. 13 dan Ahmad Ibn al-Jazarī (1935), *Sharḥ al-Ṭayyibāt*, Miṣr: Maṭba'ah al-Ḥalabī, h. 200-201.

1. Mazhab Pertama: Jamak Huruf

Dinamakan juga *jam' bi al-ḥarf* dengan *jam' bi al-kalim*.²⁴ Iaitu apabila seseorang qari memulakan bacaan dengan riwayat tertentu, kemudian bertemu dengan kalimah khilaf (berbeza bacaan) sama ada pada usul atau *farsh*, maka qari tadi akan mengulangi bacaan pada kalimah tersebut sehinggalah dibaca semua riwayat khilaf pada kalimah itu.

Sekiranya wakaf pada kalimah khilaf itu harus, maka qari boleh meneruskan bacaannya dengan bacaan baru pada kalimah selepas kalimah khilaf tadi. Tetapi jika wakaf pada kalimah khilaf tadi tidak sempurna, maka qari mestilah meneruskan bacaan dengan menyambung riwayat terakhir yang dibaca pada kalimah khilaf tadi dengan kalimah berikutnya. Demikianlah seterusnya sehingga qari selesai membaca al-Quran dengan kaedah jamak huruf. Contohnya, bacaan jamak huruf bagi *Qirā'āt Sepuluh* pada firman Allah S.W.T:

يُخَادِعُونَ اللَّهَ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَمَا يُخَادِعُونَ إِلَّا أَنفُسَهُمْ

وَمَا يَشْعُرُونَ

(Al-Baqarah 2:9)

Qari memulakan bacaan dengan riwayat *Qālūn*²⁵ sehingga bertemu kalimah khilaf pada *يُخَادِعُونَ اللَّهَ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا*, maka qari akan wakaf pada kalimah *ءَامَنُوا* untuk membaca riwayat khilaf padanya. Dimulakan dengan riwayat *tawassuṭ* (empat harakat) Azraq,²⁶ ulang kembali dengan bacaan mad (enam harakat) juga bagi Azraq, kemudian meneruskan bacaan dengan riwayat mad tadi dan menyambunginya dengan kalimah selepasnya iaitu *يُخَادِعُونَ وَمَا* seterusnya wakaf kembali bagi menyempurnakan setiap khilaf pada *يُخَادِعُونَ وَمَا*. Kemudian meneruskan bacaan dengan riwayat terakhir pada *يُخَادِعُونَ وَمَا* dan akan wakaf pula pada *إِلَّا أَنفُسَهُمْ*. Selesaikan khilaf pada kalimah tersebut dengan *marātib munfaṣilnya*. Begitu juga *saktah* bagi Imām Hamzah, *iskān* dan *ṣilah* pada *mīm al-jam'*. Demikianlah seterusnya sehingga selesai bacaan. Mazhab ini dipegang kebanyakan penduduk Basrah, Mesir, Magharibah al-Aqṣā dan mazhab Abū 'Amr serta al-Qayjatī.²⁷

²⁴ Iaitu jamak mengikut kalimah. Lihat Fathī al-'Ubaydī (2006), al- Jam' bi al-Qirā'āt al-Mutawātirah, Bayrūt: Dār Ibn Ḥazm, h. 183.

²⁵ Perawi pertama Imam Nāfi'.

²⁶ *Tarīq* kedua bagi riwayat Warsh.

²⁷ Al-Qayjatī, *al-Takmilāt al-Mufīdah*, Tūnis: Dār al-Kutub al-Waṭaniyyah, h. 18.

Keistimewaan dan Kelemahan

Mazhab ini mempunyai keistimewaan iaitu ketelitian dan ketepatannya pada setiap bacaan khilaf. Selain itu, mazhab ini mudah untuk dipraktikkan di samping amat ringkas (dari segi pemilihan tempat wakaf dan penyempurnaan setiap bacaan khilaf).²⁸

Manakala kelemahannya pula ialah hilangnya keenakan pada setiap bacaan.²⁹ Demikian juga tiada padanya kesempurnaan bacaan seperti wakaf dan *ibtidā'*. Mazhab ini juga kadang-kadang menjemukan pembaca dan pendengar. Bahkan boleh membawa kepada terpesongnya maksud sebenar ayat al-Quran di samping tidak berjaya menyampaikan isi kandungannya kepada pendengar.

Imam Ibn al-Jazarī telah merumuskan mazhab ini dengan berkata:³⁰

Mazhab Jamak Huruf ini lebih teliti dan tepat dari segi bacaan khilaf. Bahkan mudah untuk diambil dan ringkas. Namun, keenakan bacaan telah hilang daripadanya bersama kesempurnaan keseluruhan bacaan. Ada pun sesiapa sahaja yang mutakhir ini telah mengambil bacaan jamak kalimah demi kalimah, maka kaedah tersebut memungkinkan dia membaca al-Quran dengan maksud yang terpesong. Bahkan tidak mendatangkan hasil yang sepatutnya terhadap pendengar. Sesetengah qari membaca jamak qirā'āt, maka dibacanya ملك مالك yang demikian itu telah mengeluarkan al-Quran daripada susunannya yang asal dan hal ini adalah tidak harus dan bidaah yang keji.

2. Mazhab Kedua: Jamak Ayat³¹

Sebahagian ulama *qirā'āt* memilih jamak antara ayat dengan ayat. Maka, mereka membaca sepotong ayat tertentu sehingga ke penghujungnya. Kemudian mereka mengulang kembali ayat tersebut dengan riwayat

²⁸ Aḥmad Ibn al-Jazarī (1935), *Sharḥ al-Ṭayyibāt*, Miṣr: Matba'ah al-Halabī, h. 200, Ibn al-Jazarī, *Munjid al-Muqri'īn*, j. 2, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 201 dan al-Nūrī, 'Alī b. Muḥammad (1955), *Ghaith al-Naf'*, Miṣr: Matba'ah al-Ḥalabī, h. 31.

²⁹ Ibid.

³⁰ Ibn al-Jazarī, *Munjid al-Muqri'īn*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmyyah, h. 13.

³¹ Fathī al-'Ubaydī, *op. cit.*, h. 186.

lain sehinggalah selesai semua khilaf riwayat. Seakan-akan tujuan mereka adalah untuk menyempurnakan satu ayat demi satu ayat dan memisahkan antara satu ayat dengan ayat yang lain. Hal ini bagi menjaga kesinambungan susunan setiap ayat dan mengelakkan daripada berlakunya pertindanan tertib antara kalimah.

Namun, langkah penyelesaian ini tidak berkesan secara menyeluruh. Justeru, terdapat masih banyak lagi ayat yang tidak sempurna wakafnya pada setiap *fāsilah* (tanda pemisah antara ayat). Malahan, tidak elok untuk memulakan bacaan dengan huruf selepas tempat berhenti tersebut.³² Contoh kepada kaedah ini ialah firman Allah S.W.T:

(Al-Ṣāffāt 37: 153)  أَصْطَفَى الْبَنَاتِ عَلَى الْبَنِينَ

Tertib bacaannya ialah pertama sekali membaca dengan *hamzah qata'* (أ) bagi *Qālūn*, dan bersamanya semua Imam Sepuluh kecuali *Ya'qūb*³³ pada *ḥā' saktah* ketika wakaf ke atas *البنين*. Kemudian, ulang bacaan seperti tadi kecuali dengan membaca *ḥā' saktah* dengan riwayat *Ya'qūb*. Akhir sekali, mulakan bacaan dengan *hamzah waṣal* berbaris bawah tanpa *ḥā' saktah* oleh al-Aṣbahānī³⁴ dan Abū Ja'far.³⁵

Demikianlah contoh bacaan bagi mazhab kedua. Iaitu bagi sesiapa yang membaca dengan *hamzah waṣal*, maka tidak harus ke atasnya untuk wakaf pada ayat sebelumnya kerana lafaz dan maksud belum sempurna. Tetapi bagi sesiapa yang membaca dengan *hamzah al-qata'*, maka harus baginya memulakan bacaan pada ayat di atas kerana telah *diiktibar* sebagai ayat baru yang tiada kaitan dengan sebelumnya.

Keistimewaan dan Kelemahan

Keistimewaannya ialah dapat menjaga susunan kalimah pada setiap ayat. Manakala kelemahannya ialah tidak dapat dipraktikkan pada semua ayat kerana terdapat ayat yang masih tidak sempurna dari segi maksud dan lafaz pada sesetengah *fāsilah*.³⁶

³² Ibn al-Jazarī (1980), al-Nashr, j. 2, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 202.

³³ Imam ke-9 mengikut tertib *Qirā'āt* ‘Asharah.

³⁴ *Tarīq* pertama menurut riwayat Warsh.

³⁵ Imam ke-7 mengikut tertib *Qirā'āt* ‘Asharah.

³⁶ Ibn al-Jazarī (1980), *op. cit.*

3. Mazhab Ketiga: Jamak Wakaf³⁷

Jamak daripada wakaf ke wakaf. Iaitu memulakan bacaan dengan mendahulukan riwayat terawal daripada susunan imam dan rawi. Kemudian berhenti pada tempat yang harus wakaf padanya di mana-mana sahaja. Kemudian kembali membaca ayat tersebut bermula daripada awal dengan riwayat lain (melainkan bacaan yang pertama) mengikut susunan khilaf daripada akhir tempat wakaf tersebut. Ulang dan ulang sehingga semua riwayat telah dibaca. Sekiranya terdapat riwayat yang menyerupai bacaan riwayat sebelumnya, maka riwayat tersebut tidak akan diulang kerana telah termasuk dalam riwayat terdahulu.³⁸ Ini ialah Mazhab Ahli *Shām* atau *al-Shāmiyyūn*.³⁹ Contohnya pada firman Allah S.W.T:

ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

(Al-Baqarah 2:2)

Pertama sekali, dibaca dengan riwayat *Qālūn* kerana beliau ialah rawi teratas daripada tertib *al-ruwāh* (perawi-perawi). *Qālūn* membaca tanpa *ghunnah* pada *lām*. Termasuk dalam bacaan *Qālūn* semua rawi kecuali sesiapa yang membaca khilaf pada *hā al-sakt*, *ghunnah*, *idghām kabīr*, *ṣilah hā' damīr* dan *tawassuṭ* لا ريب. Kemudian didatangkan riwayat Ya'qūb daripada awal ayat dengan *hā' al-sakt*. Selepas itu, *ghunnah* bagi *Qālūn* juga daripada awal ayat dan seterusnya sehingga selesai semua riwayat.

Kelemahan mazhab ini ialah tempoh masanya terlalu panjang.⁴⁰ Ini kerana telah disyaratkan padanya supaya didatangkan setiap riwayat daripada awal bacaan tanpa memadai dengan mendatangkannya dari tempat khilaf sahaja.

³⁷ Fathī al-'Ubaydī, *op. cit.*, h. 188.

³⁸ Aḥmad Ibn al-Jazarī (1935), *Sharh al-Ṭayyibāt*, Miṣr: Matba'ah al-Ḥalabī, h. 200, Ibn al-Jazari (1980), *al-Nashr*, j. 2, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 201, al-Suyuṭī (1973), *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, j. 1, Bayrūt: al-Maktabah al-Thaqafiyah, h. 102, al-Shaqansī, *al-Ajwibah al-Mudaqqiqah*, j. 2, Tūnis: Dār al-Kutub al-Waṭaniyyah, h. 220, al-Ḍobbā' (1347H), *Taqrīb al-Naf'*, Miṣr: Matba'ah al-Ḥalabī, h. 8-9 dan al-Nūrī (1955), 'Ali b. Muḥammad, *Ghaith al-Naf'*, Miṣr: Matba'ah: 3, Matba'ah al-Ḥalabī, h. 30.

³⁹ Aḥmad Ibn al-Jazarī (1935), *op. cit.*, Ibn al-Jazarī (1980), *op. cit.*, al-Suyuṭī (1973), al-Shaqansī, *op. cit.*, al-Ḍobbā' (1347H), *op. cit.* dan al-Nūrī (1955), *op. cit.*

⁴⁰ Ibn al-Jazarī (1980), *op. cit.*, Aḥmad Ibn al-Jazarī (1935), *op. cit.* dan al-Shaqansī, *op. cit.*, h. 200.

Walau bagaimanapun, mazhab ini telah dipilih oleh Imam Ibn al-Jazarī dengan beberapa pengubah suaian iaitu mengaitkan ('*atf*) tempat khilaf terdahulu dengan yang terkini tanpa perlu mendatangkan bacaan daripada permulaan. Ini bagi menjimatkan sedikit masa yang terlalu panjang bagi mazhab ketiga.

Berkata Imam Ibn al-Jazarī:

*Mazhab ini (jamak wakaf) adalah yang terpilih di sisi kami. Didasari padanya keenakan bacaan, keindahan tilawah, keteguhan dari segi periwiyatan dan tidak mampu dilaksanakan melainkan sesiapa yang betul-betul mahir dan teliti. Boleh jadi tempat wakafnya adalah pada faṣīlah, boleh jadi pada tempat lain yang diharuskan wakaf.*⁴¹

Contoh bacaan Imam Ibn al-Jazarī berdasarkan mazhab ketiga selepas beberapa pengubah suaian ialah firman Allah S.W.T:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلٰئِكَةِ اِنِّيْ جَاعِلٌ فِي الْاَرْضِ خَلِيْفَةً... ﴿٣٠﴾

(Al-Baqarah 2: 30)

Tertib bacaan secara ringkas:

- a. *Qālūn*.
- b. '*Atf*, Imām al-Kisā'ī bersama *imālah hā' al- ta'nīth*.
- c. Al-Aṣḥabānī dengan *nāql*.
- d. Ibn Dzakwān dengan *saktah* pada *alif lām*.
- e. Bersama Ibn Dzakwān ialah *Hafṣ* dan *Idrīs* dengan *tawassuṭ muttaṣil*.
- f. Al-Azraq dengan *ishbā' muttaṣil* bersama *nāql*.
- g. Al-Naqqāsh tanpa *saktah*.
- h. Bersama al-Naqqāsh ialah *hamzah* dengan *fath* pada *hā' al-ta'nīth*.
- i. Khallād dengan riwayat di atas kecuali dengan *imālah*.
- j. Al-Naqqāsh dengan *saktah* pada *alif lām*.
- k. Bersama al-Naqqāsh ialah *ḥāmzāḥ* dengan *fath* pada *hā' al-ta'nīth*.
- l. Hamzah dengan *imālah*.
- m. Hamzah dengan *saktah* pada *muttaṣil* dan *imālah* pada wakaf.
- n. Khallād dengan *fath* pada wakaf.

⁴¹ Aḥmad Ibn al-Jazarī (1935), *op. cit.*, al-Shaqansī, *op. cit.*

- o. Abū 'Amrū dengan *tawassuṭ muttaṣil* dan *idghām*.
- p. Bersama Abū 'Amrū ialah *Ya'qūb*.

Semuanya ini disyaratkan tiada pertindanan riwayat pada semua mazhab jamak.

HUKUM JAMAK

Ulama telah berbeza pandangan terhadap hukum jamak kepada tiga pendapat iaitu:

- Harus secara mutlak.
- Tegah secara mutlak.
- Harus ketika *talaqqī* sahaja.

1. Pendapat Pertama: Harus Secara Mutlak

Harus secara mutlak ini bermaksud boleh dibaca di mana-mana, tidak terhad ketika bertalaqqī sahaja. Sebagai contoh, di majlis-majlis, keraian umum dan sebagainya.

Ulama yang berpendapat dengan pandangan ini adalah Khalīl b. Ghanim. Khalil telah mengarang sebuah risalah berjudul *Hidāyah al-Qurrā' wa al-Muqri'īn* bagi mengharuskan bacaan *qirā'āt* secara jamak. Dinyatakan dalam risalah tersebut bahawa jamak *qirā'āt* ini telah lama wujud sejak kurun kelima hijrah lagi dan *thabāt* periwayatannya sehingga sekarang. Iaitu telah dibaca semasa majlis dan keraian sejak zaman dahulu. Perkara tersebut telah diamalkan tanpa ada penentangan daripada mana-mana ulama bahkan diakui dan diterima oleh umat.⁴² Ini menunjukkan kepada *ijmāk sukūṭī* atau persepakatan secara diam. Malahan beliau mendakwa bahawa hujah yang mengaitkan *jamak qirā'āt* dengan semasa *talaqqī* sahaja adalah tidak berasas.

Berkata Syeikh Ibrahim b. Ahmad b. Sulaymān al-Tunīsī al-Mālikī menyokong pendapat pertama ini: *Ketahuilah bahawa apabila telah cukup syarat-syarat untuk jamak qirā'āt seperti yang telah ditetapkan oleh ahli bidang ini, maka haruslah bagi qari itu membaca dengan jamak sama ada tujuh, sepuluh atau selainnya di mana-mana sahaja tanpa terhad kepada semasa talaqqī.*⁴³

⁴² Khalīl al-Janayinī (1344H), *Hidāyat al-Qurrā' wa al-Muqri'īn*, Miṣr: Matba'ah al-Ma'āhid, h. 18-19.

⁴³ 'Abd al-Halim b. Muḥamamad (1999), *al-Qirā'āt al-Qur'āniyyah*, Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islamī, h. 244.

Tokoh lain yang menyokong pendapat ini juga ialah Syeikh ‘Abd al-Fattāḥ Hunaydī,⁴⁴ berdasarkan dalil ijmak dan *qiyās*. Beliau berkata: *Sesungguhnya telah berlaku jamak sejak zaman Imām al-Dānī dan tidak ada seorang ulama pun yang tampil menentang atau menegahnya, maka ini adalah dalil kepada ijmak sukūṭī*. Kedua, beliau berhujahkan kesahihan jamak dengan *qiyās* iaitu:

Jika kita meneliti pada hukum harus jamak, kita akan menemui dalil lain selain ijmak, iaitu qiyās. Hal demikian itu kerana pengertian jamak ialah pengulangan bahagian-bahagian tertentu dalam bacaan untuk menyempurnakan bentuk-bentuk bacaan bagi setiap riwayat dengan menepati syarat-syaratnya. Maka, sesiapa yang memenuhi setiap syarat tersebut adalah harus untuk jamak.

Kesimpulan daripada pendapat pertama ini ialah:

- a. Pengamalan *qurrā'* pada kurun kelima sehingga ke zaman sekarang tanpa ada sebarang penentangan daripada sesiapa adalah dianggap sebagai *ijmak sukūṭī* terhadap hukum harus jamak.
- b. Sesungguhnya jamak dalam sekali khatam walau dengan pelbagai riwayat adalah tidak terkeluar daripada pengertian jamak itu sendiri.
- c. Harus menghimpunkan bacaan atau jamak *qirā'āt* semasa *talaqqī* adalah nas daripada Imām Ibn al-Jazarī dan imam-imam lain selagi qari tersebut memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- d. Sesungguhnya pada menghimpunkan bacaan itu banyak manfaatnya dan berguna kepada agama serta bahasa.
- e. Seandainya jamak *qirā'āt* semasa majlis dan keraian itu ditegah, maka tertegah juga jamak semasa *talaqqī*.

2. Pendapat Kedua: Tegah Secara Mutlak

Ulama yang terkenal berpegang kepada pendapat ini adalah Abu Bakr b. Muḥammad b. ‘Ali b. Khalaf al-Ḥusaynī. Pengarang kitab *al-Āyāt al-*

⁴⁴ Fathī al-‘Ubaydī, *op. cit*, h. 175.

Bayyināt fī Ḥukm Jam' al-Qirā'āt. Kitab tersebut dikarang bagi menjawab hujah-hujah dalam risalah *Hidāyah al-Qurrā' wa al-Muqri'īn*.⁴⁵ Setiap dalil dijawab satu persatu dan berakhir dengan kenyataan bahawa *jam' al-qirā'āt* ini ialah perkara baru atau bidaah di samping tidak wujud pada zaman *al-Salaf al-Ṣāliḥ*.

Justeru, *jam' al-qirā'āt* ini ditegah secara total dan tidak boleh diharuskan berdasarkan pengamalan golongan *al-Salaf al-Ṣāliḥ*. Pendapat ini telah mendapat sokongan ramai dalam kalangan ulama yang sezaman dengan Abū Bakr al-Ḥusaynī. Bahkan jika diperhatikan, banyak kitab telah ditulis bagi menegah dan melarang *jam' al-qirā'āt* khususnya semasa dalam satu-satu majlis.

Di samping itu, Muḥammad b. Sa'ūdī b. Ibrāhīm al-Shafi'ī al-Azharī juga bersependapat dalam pandangan ini. Beliau telah menghasilkan kitab khusus bagi menyanggah pendapat dan hujah Syeikh Khalīl berkenaan isu tersebut. Kitab beliau berjudul *Irshād al-Jalīl fī al-Radd 'alā Muftarayāt al-Shaykh Ibn al-Janayinī al-Musammā b. Khalīl*.

Kitab tersebut dinukil khas bagi menolak balik hujah Syeikh Khalīl dalam kitabnya *al-Burhān al-Waqqād fī al-Radd 'alā Ibn al-Haddād*.⁴⁶ Bagi sesiapa sahaja yang memiliki kitab *Irshād al-Jalīl* dan telah membacanya akan mendapati bahawa Syeikh Ibn Sa'ūdī telah menggunakan bahasa yang agak keras dalam menyanggah pandangan Syeikh Khalīl. Antaranya, beliau melemparkan tuduhan bahawa Syeikh Khalīl ini jahil dan kurang ilmu pengetahuan.

Berakhir kitab *Irshād al-Jalīl* dengan penegasan hukum bahawa *jam' al-qirā'āt* dalam satu-satu majlis adalah musibah yang besar. Oleh itu, tiada seorang pun ulama Mesir berpegang dengan mazhab tersebut. Berikut ialah kesimpulan hujah bagi pendapat kedua:

- a. *Jam' al-qirā'āt* atau menghimpunkan bacaan dalam sekali khatam adalah sekali-kali tidak pernah diamalkan oleh *al-Salaf al-Ṣāliḥ*. Ia tidak pernah berlaku pada zaman Nabi S.A.W, para sahabat dan tabiin. Kurun tersebut adalah era kegemilangan ilmu-ilmu Islam. Ketika ini, ilmu *Qirā'āt* dipelajari secara bertalaqqī satu riwayat

⁴⁵ 'Abd al-Halim b. Muḥamamad (1999), *op. cit.*, h. 235.

⁴⁶ Fathī al-'Ubaydī (2006), *op. cit.*

dan beralih kepada riwayat yang lain tanpa menghimpunkan bacaan pelbagai riwayat dalam satu-satu masa (sekali khatam). Hal ini didasari pengamalan turun temurun sejak zaman Nabi S.A.W lagi.

Firman Allah S.W.T:

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا ...

(Al-Hashr 59: 7)

Sabda Nabi S.A.W: اقرؤا القرآن كما علمتم. Berdasarkan dalil-dalil tersebut jelas bahawa *ta'lim* atau pengajian *qirā'āt* adalah dengan kaedah *ifrād* sahaja.

- b. Sesungguhnya apa yang timbul pada kurun kelima hijrah itu adalah bersalahan dengan apa yang diamalkan oleh golongan *al-Salaf al-al-Ṣāliḥ*. Ia merupakan satu perkara bidaah dan sesat
- c. Sesungguhnya *jam' al-qirā'āt* itu telah mengeluarkan al-Quran daripada susunan asalnya dan bacaan daripada keenakannya.
- d. *Jam' al-qirā'āt* telah mendatangkan kerosakan yang besar terhadap maksud al-Quran, kecacatan yang jelas dalam bacaan dan pertindanan yang bersangatan dalam periwayatan.
- e. Seseengah individu pula menggunakan peluang ini untuk mengaut keuntungan duniawi seperti harta (seperti meminta bayaran yang terlampau tinggi bagi setiap riwayat) dan pangkat (kerana menguasai banyak riwayat).

Walau bagaimanapun, pendapat kedua ini tidak sunyi daripada kritikan dan jawapan balas. Berikut ialah jawapan balik terhadap hujah-hujah tadi.

- i. Asal kepada segala sesuatu itu adalah harus selagi tiada nas yang mengharamkannya.
- ii. Seperti yang difahami daripada pengertian jamak, kaedah menghimpun bacaan ini bukan suatu perkara yang sukar atau ditegah sekiranya menepati semua syarat *jam' al-qirā'āt*. Mungkin ia boleh diertikan dengan suatu bentuk bacaan tertentu

daripada mana-mana riwayat dengan syarat-syarat yang jelas dan bukanlah suatu bacaan yang terkeluar daripada apa yang dibacakan oleh Nabi S.A.W. Justeru, kaedah *jam' al-qirā'āt* ini bukanlah perkara baru atau bidaah kerana apa yang dibaca ialah apa yang diturunkan sahaja.

- iii. Sesuatu perkara yang tidak diamalkan pada zaman sahabat tidak boleh dijadikan dalil pengharamannya pada zaman sekarang. Bahkan, para sahabat sendiri hanya mahir bentuk bacaan yang mereka terima daripada Nabi S.A.W, malahan bentuk bacaan mereka kadang kala berbeza-beza mengikut *lahjah* kabilah mereka. Para sahabat juga tidak mengamalkan *birtalaqqī* setiap bacaan dengan sekali khatam. Sekiranya mereka *birtalaqqī* semua bacaan, nescaya tidak berlaku perselisihan dalam bacaan seperti kisah antara Sayidina Umar r.h dan Hisham b. Hakim r.h. Maka, adakah *ifrād al-qirā'āt* ini juga haram? Justeru, dalil bahawa perkara yang tidak dilakukan pada zaman sahabat dan *tābi'in* adalah haram tidak boleh diterima pakai.
- iv. Sesungguhnya hukum bacaan *jam' al-qirā'āt* ini diambil daripada para alim ulama bidang *qirā'āt* itu sendiri, khususnya pada zaman kebelakangan ini. Ketahuilah, ijmak ulama itu tidak akan terhasil dengan mudah tanpa ada perbincangan lumat dan bersandarkan kepada dalil-dalil muktamad. Setiap apa yang telah diputuskan dengan ijmak, maka hendaklah dibatalkan dengan ijmak juga.
- v. Maksud sebenar hadis *اقرأ القرآن كما علمتم* hendaklah kamu membaca al-Quran seperti yang diajarkan kepada kamu ialah tiada penambahan pengurangan, penyelewengan, pengubahsuaian dan sebagainya. Begitu juga *jam' al-qirā'āt*. Ia masih mengekalkan bacaan al-Quran seperti mana yang telah disampaikan oleh baginda Nabi S.A.W. Langsung tiada padanya tambahan, pengurangan, penyelewengan dan juga pengubahsuaian. Sebagai contoh, tidak berlaku penambahan kalimah atau pengurangannya dengan *jam' al-qirā'āt*.
- vi. Manakala hujah yang menganggap kaedah *jam' al-qirā'āt* ini tidak mendatangkan manfaat yang besar kepada umat adalah tidak tepat. Sila rujuk kembali huraian di atas berkenaan sebab-sebab berlakunya *jam' al-qirā'āt*, kelebihan dan manfaatnya kepada umat pada ketika itu. Seandainya kaedah ini tidak dicipta, nescaya ilmu *Qirā'āt* ini akan luput dek zaman dan tidak akan sampai ke tangan kita seperti sekarang.

- vii. Ada pun berkenaan tuduhan bahawa kaedah ini dicipta semata-mata untuk meraih keuntungan dunia adalah tuduhan yang batil dan salah. Soal ini bergantung kepada niat. Segala perkara bergantung kepada niat pelaku. Dalil ini sama sekali tidak boleh dijadikan hujah pengharaman *jam' al-qirā'āt*. Siapakah kita untuk mempertikai niat ijmak ulama ketika itu? Adakah semua ulama berpakat dalam perkara kerosakan? Semua itu mustahil dan tidak masuk akal.

3. Pendapat Ketiga: Harus Ketika *Talaqqī* Sahaja

Ini ialah pendapat jumbuh ulama. Ia diterima pakai dan dipegang oleh Imam Ibn al-Jazarī.⁴⁷ Dalil hukum bagi pendapat ketiga ini ialah riwayat dan *athar* yang sahih daripada ulama sejak zaman awal munculnya *jam' al-qirā'āt* sehinggalah sekarang. Antaranya adalah disebabkan kebimbangan ulama terhadap kemerosotan bilangan penuntut ilmu *Qirā'āt* seterusnya membawa kepada lenyapnya ilmu ini daripada dada manusia. Sedangkan ilmu *Qirā'āt* ialah fardu kifayah. Tanpanya, nescaya manusia tidak akan mampu untuk membaca al-Quran dengan tepat dan betul.

Di samping itu, tiada dalil sahih yang melarang *jam' al-Qirā'āt*. Bahkan ulama telah bersepakat dalam keharusan mengamalkannya. Ini adalah pendapat yang terpilih. Antara perkara yang mendasari pendapat ini ialah sistem pengambilan secara *bertalaqqī*. Moga-moga umat tidak lari daripada menuntut ilmu *Qirā'āt* kerana tempoh masanya yang panjang dan lama. Justeru, keharusan ini bagi menjaga kesinambungan penuntut ilmu dalam *bertalaqqī qirā'āt* dengan mempercepatkan tempoh *talaqqī* setiap riwayat.

Ada pun *jam' al-qirā'āt* selain situasi *bertalaqqī* adalah tidak mendatangkan manfaat. Kenapa ingin membacanya dalam satu-satu majlis dan keraian? Adakah kerana ingin mempamerkan kepandaian dan kemahiran dalam ilmu *Qirā'āt*? Bahkan tiada tuntutan bacaan *jam' al-qirā'āt* dalam satu-satu majlis sebagaimana ia diharuskan semasa situasi *bertalaqqī*. Ia adalah dua perkara yang amat berbeza. Harus ketika *bertalaqqī* kerana jika tidak, maka tiada lagi golongan yang dapat menguasai kepelbagaian *qirā'āt*.

⁴⁷ 'Abd al-Ḥalīm b. Muḥammad (1999), *op. cit.*, h. 250.

Manakala semasa dalam majlis, sekiranya dibaca secara jamak pasti mendatangkan musibah kepada sesiapa yang tidak tahu dan tidak mahir tentang ilmu *Qirā'āt* dalam kalangan pendengar. Malahan, kalau qari tersalah bacaannya semasa jamak sekali pun, besar kemungkinan tiada orang yang akan menegurnya ekoran tidak tahu bahawa bacaan qari itu salah.

Lebih teruk lagi, jika pendengar itu *thiqah* dan yakin dengan bacaan qari tersebut kemudian dia mendengar bacaan qari yang lain pula dan mendapati bacaan tidak sama, maka ia boleh mengundang tanggapan yang salah oleh pendengar terhadap qari lain walhal bacaannya adalah betul.

Oleh yang demikian, *jam' al-qirā'āt* di dalam majlis adalah tidak harus manakala dalam situasi *talaqqī* pula ia diharuskan.

Berkemungkinan juga *jam' al-qirā'āt* dalam satu-satu majlis tidak terselamat daripada berlakunya kesalahan dan kesilapan. Ketika itu tiada lagi teguran dan pembetulan daripada guru. Ia berbeza ketika dalam situasi *talaqqī*. Semestinya akan mendapat teguran terus dan pembetulan jika berlaku apa-apa kesalahan.

Pernah berlaku satu peristiwa yang dialami sendiri oleh salah seorang pensyarah Kuliah al-Quran, Universiti al-Azhar cawangan Tanta, Mesir. Peristiwa tersebut terjadi di depan mata dan didengari jelas dengan telinga. Sesungguhnya pada suatu majlis, seorang qari yang masyhur namanya serta kemahiran dalam bidang *qirā'āt* telah membaca firman Allah S.W.T:

فَإِذَا دَفَعْتُمْ إِلَيْهِمْ أَمْوَالَهُمْ فَأَشْهِدُوا عَلَيْهِمْ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ حَسِيبًا ﴿٦﴾
(Al-Nisā' 4: 6)

Qari tersebut membaca *silah* pada *mīm* jamak bersama membaris depankan *hā* pada *إِلَيْهِمْ* dan *عَلَيْهِمْ* dan pada masa yang sama membaca dengan imālah pada *وَكَفَىٰ*. Selepas mendengar bacaan sedemikian, maka pensyarah tadi pergi bertemu dengan qari tersebut. Lalu bertanya: “Siapakah (riwayat manakah) yang kamu baca tadi?”

Qari itu diam tidak menjawab. Tidak lama selepas itu, si qari tadi berkata: “Bukankah itu *qirā'āt*?”

“Tidak sama sekali,” jawab pensyarah.

“Sesiapa yang membaca dengan baris depan *hā*, tiada padanya *ṣilah mīm* jamak. Manakala sesiapa yang ada padanya *ṣilah mīm* jamak, tiada padanya *imālah*.” Sambung pensyarah.

Lantas pensyarah tersebut bertanya lagi, “Siapakah yang membacakan sedemikian pada kamu?”

Tanpa segan silu dan penuh yakin, si qari tadi telah menyatakan bahawa dia bertalaqqī dengan syeikh si fulan si fulan. Maka, tahulah pensyarah tersebut bahawa si qari ini sebenarnya tidak mahir dalam ilmu *Qirā'āt*. Walaupun masyhur namanya dalam bidang tersebut tetapi hakikatnya berpura-pura pandai. Bagaimana pensyarah tadi boleh tahu bahawa si qari itu penipu?

Sesungguhnya pensyarah amat kenal dan rapat dengan setiap orang syeikh yang disebut oleh si qari sebagai gurunya. Para *mashāyikh* itu semuanya tidak membaca sedemikian. Justeru, si qari telah melakukan bukan setakat satu kesilapan, bahkan berganda-ganda kesalahan.

Dalam kisah lain, seorang qari dalam satu majlis telah membaca firman Allah S.W.T:

وَقَالَ الَّذِي اشْتَرَاهُ مِنْ مِصْرَ لِمَرْأَتِهِ أَكْرَمِي مَثْوَاهُ عَسَىٰ
أَنْ يَنْفَعَنَا أَوْ نَتَّخِذَهُ وَوَلَدًا... ﴿١١﴾

(Yūsuf 12: 21)

Dia membacanya dengan *ṣilah ha ḍamir* pada *اشْتَرَاهُ* dan *imālah* pada *عسى*. Inilah beberapa contoh peristiwa yang berlaku tanpa kita sedar dalam masyarakat sekarang ini, walau Arab sekali pun.

KESIMPULAN

Berdasar kisah-kisah, hujah-hujah dan realiti yang berlaku sekarang dapat disimpulkan bahawa harus membaca *qirā'āt* jamak hanya semasa *talaqqī*. Mungkin pada masa akan datang, hukum ini akan berubah sesuai dengan tahap kepakaran umat ketika itu.

Namun buat masa sekarang, penulis sendiri cenderung kepada pendapat ketiga. Kami berharap agar kita semua tidak tergolong dalam kalangan mereka yang mengkhianati ilmu (tidak amanah dengan ilmu). Semoga kita semua digolongkan Allah S.W.T dalam golongan hambaNya yang diredai di dunia dan di akhirat.